

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK  
[SEREMBAN]**

**TARIKH : 14 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah justifikasi untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) memerlukan 4,199 bilangan jawatan untuk "Pengurusan" yang melibatkan emolumen sebanyak RM231,268,700 bagi tahun 2016.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM231,268,700.00 bagi Objek Am 10000 (Emolumen) adalah merangkumi pembayaran gaji dan elaun bagi keseluruhan perjawatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) iaitu sebanyak 4,920 perjawatan.

Keseluruhan perjawatan tersebut adalah merangkumi 4,199 perjawatan bagi Aktiviti Pengurusan yang terdiri daripada 197 perjawatan gunasama, 1,422 perjawatan bagi Wilayah, Daerah dan Pangkalan Maritim serta 2,580 perjawatan di bot dan kapal. Selain itu, perjawatan keseluruhan juga melibatkan 172 perjawatan bagi Aktiviti Ketua Pengarah (Sebagai contoh, Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Unit Integriti, Cawangan Undang-Undang, dan Cawangan Perisikan), 476 perjawatan bagi Aktiviti Operasi (Sebagai contoh, sistem pengawasan laut (SWASLA) dan Stesen Udara Subang) dan 73 perjawatan bagi Aktiviti Logistik (Cawangan Bekalan dan Cawangan Kejuruteraan).

Sekian. Terima kasih.